



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN  
BIL. 3 TAHUN 2022**

**Semua Pegawai Pengawal  
Jabatan Kerajaan Negeri**

**PENGURUSAN BAYARAN DI BAWAH AP58 (a)**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan dan menjelaskan tatacara pengurusan bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan AP58(a).

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 AP58(a) merujuk kepada kebenaran pembayaran khas untuk membayar / menyelaraskan baucar **perbelanjaan mengurus** yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggungjawaban-pertanggungjawaban yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama.
- 2.2 Bayaran AP58(a) merupakan salah satu aspek pengurusan kewangan Kerajaan Negeri yang diberi perhatian serius oleh Jabatan Audit Negara dan menjadi salah satu skop pengauditan pengurusan kewangan jabatan dan PTJ pada setiap tahun.
- 2.3 Surat Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 (dikemaskini 3 Februari 2021) sebagai panduan kepada Jabatan/PTJ supaya pembayaran di bawah AP58(a) dilaksanakan secara teratur serta dapat menjelaskan kekeliruan berkaitan takrifan bayaran di bawah AP58(a).

**3.0 PERTANGGUNGAN TAHUN-TAHUN LALU YANG MEMERLUKAN KELULUSAN AP 58(a).**

3.1 Pertanggung-jawaban di bawah perbelanjaan mengurus yang merangkumi Vot T (Perbelanjaan Tanggungan) dan Vot B (Perbelanjaan Perbekalan) bagi tahun kewangan tahun lalu yang hendak dijelaskan menggunakan peruntukan tahun semasa hendaklah mendapatkan kelulusan khas di bawah AP58 (a) sekiranya berada dalam keadaan berikut;

**(i) BAYARAN BEKALAN/PERKHIDMATAN MELALUI PESANAN KERAJAAN**

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) DIPERLUKAN
(a)	Bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun 20x1, tetapi Invois diterima daripada pembekal pada tahun 20x2. [Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan dan dipertanggungjawabkan di dalam iSPEKS pada 20x1]	Perbelanjaan diiktiraf pada tahun 20x1 apabila bekalan/perkhidmatan telah disempurnakan. Maka kelulusan AP58(a) diperlukan.

**(ii) BAYARAN KONTRAK BERKALA**

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) DIPERLUKAN
(a)	Kontrak berkala bagi sewaan peralatan pejabat  Contoh; Kontrak sewaan mesin penyalin bagi sewaan bulan Januari hingga Disember 20x1 disempurnakan pada tahun 20x2. Surat setuju terima (SST) dikeluarkan pada bulan Januari 20x1.	Pembayaran bagi 3 kali pertama perlu diiktiraf dalam tahun 20x1 berdasarkan PK 4.2 (jabatan bertanggungjawab untuk membayar 3 kali bayaran dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani dan apabila perkhidmatan / kerja disempurnakan oleh pembekal. Disebabkan bayaran bagi 3 kali bayaran pertama adalah tanggungan tahun 20X1 maka kelulusan AP58(a) diperlukan.

(b)	Kontrak sewaan bangunan telah tamat pada bulan November 20x1 dan kelulusan pelanjutan kontrak diperolehi pada Disember 20x2. Bayaran sewaan bulan November dan Disember 20x1 dibayar pada bulan Februari 20x2.	Perbelanjaan kena dibayar pada tahun 20x1 mengikut pelanjutan kontrak yang diluluskan. <b>Maka kelulusan AP58(a) diperlukan.</b>
-----	--	--

**(iii) BAYARAN MELALUI PANJAR WANG RUNCIT**

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) DIPERLUKAN
(a)	Tuntutan perbelanjaan Panjar Wang Runcit (PWR) pada tahun 20x1 dikemukakan pada Januari 20x2.	Perbelanjaan kena dibayar pada tahun 20x1. <b>Maka kelulusan AP58(a) diperlukan.</b>

**(iv) BAYARAN TUNTUTAN PELBAGAI**

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) DIPERLUKAN
(a)	Tuntutan Perjalanan pegawai <b>sebelum</b> bulan Disember 20x1 dikemukakan pada Januari 20x2.	Perbelanjaan hendaklah diiktiraf pada tahun 20x1. Merujuk kepada AP100(a) tuntutan perjalanan hendaklah dikemukakan <b>tidak lewat dari 10hb bulan</b> dalam bulan yang berikutnya. <b>Maka kelulusan AP58(a) diperlukan.</b>
(b)	Tuntutan elaun pertukaran yang <b>dituntut pada tahun berikutnya melebihi tempoh satu (1) tahun dari tarikh pertukaran.</b> [Pegawai telah bertukar pada Januari 20x1 dan telah menghantar borang tuntutan pada Februari 20x2]	Tuntutan perlu diiktiraf dalam tahun 20x1. Pekeliling WP1.2 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah menetapkan tuntutan pertukaran dibuat dalam tempoh satu (1) tahun daripada

		tarikh pelaksanaan arahan pertukaran. <b>Maka kelulusan AP58(a) diperlukan.</b>
(c)	Tuntutan berpindah rumah yang dituntut pada tahun berikutnya melebihi tempoh 3 bulan dari tarikh berpindah. [Pegawai telah berpindah rumah pada bulan Jun 20x1 dan telah menghantar borang tuntutan pada Februari 20x2]	Tuntutan perlu diiktiraf dalam tahun 20x1. Pekeliling WP1.2 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah menetapkan tuntutan berpindah dibuat dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh pelaksanaan arahan pertukaran. <b>Maka kelulusan AP58(a) diperlukan.</b>

**(v) BAYARAN CARUMAN WAJIB**

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) DIPERLUKAN
(a)	Bayaran caruman KWSP/SOCSO pekerja kontrak yang tidak dibuat caruman pada tahun 20x1 dibayar pada bulan Januari tahun 20x2	Caruman bulanan ke atas gaji tahun 20x1 adalah perbelanjaan yang diiktiraf pada tahun 20x1 mengikut tarikh bayaran caruman wajib yang ditetapkan. <b>Maka kelulusan AP58(a) diperlukan.</b>

#### 4.0 BAYARAN YANG TIDAK MEMERLUKAN KELULUSAN AP 58(a).

4.1 Pertanggung-jawaban di bawah perbelanjaan mengurus yang merangkumi Vot T (Perbelanjaan Tanggungan) dan Vot B (Perbelanjaan Perbekalan) bagi tahun kewangan tahun lalu yang hendak dijelaskan menggunakan peruntukan tahun semasa **tanpa perlu mendapatkan kelulusan khas di bawah AP58 (a)** adalah seperti berikut:

##### (i) BAYARAN BEKALAN/PERKHIDMATAN MELALUI PESANAN KERAJAAN

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN
(a)	Bekalan/perkhidmatan diterima pada tahun 20x2. [Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan dan dipertanggungjawab di dalam iSPEKS pada tahun 20x1]	Perbelanjaan hanya diiktiraf pada tahun 20x2 apabila bekalan/perkhidmatan disempurnakan. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan</b>

##### (ii) BAYARAN KONTRAK BERKALA

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN
(a)	Kontrak sewaan bangunan telah tamat pada bulan November 20x1 dan kelulusan pelanjutan kontrak hanya diperolehi pada Februari 20x2. Bayaran sewaan bulan Disember 20x1 dibayar pada bulan Februari 20x2.	Pembayaran tersebut <b>tidak tertakluk di bawah AP58(a)</b> kerana perbelanjaan sewaan bangunan dipertanggungjawabkan untuk dibayar dan diiktiraf pada tahun 20x2 mengikut pelanjutan kontrak yang dilulus.
(b)	Kontrak berkala bagi sewaan peralatan pejabat  Kontrak sewaan mesin penyalin bagi sewaan bulan Januari hingga Disember 20x1 disempurnakan pada tahun 20x2. Surat setuju terima (SST) dikeluarkan pada bulan Februari 20x1.	Bayaran kali ke 4 dan berikutnya tidak perlu dipertanggungjawabkan dalam tahun kewangan 20x1 disebabkan kontrak hanya ditandatangani pada tahun 20x2. Jabatan hanya bertanggungjawab untuk membuat bayaran kali ke 4 selepas kontrak formal ditandatangani pada tahun 20x2. Disebabkan itu <b>kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>

**(iii) BAYARAN TUNTUTAN INVOIS BAGI CAJ PERKHIDMATAN  
BAGI TERIMAAN SECARA ATAS TALIAN**

<b>BIL</b>	<b>PERTANGGUNGAN</b>	<b>SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN</b>
(a)	Caj perkhidmatan melibatkan terimaan Kerajaan bagi bulan Disember 20x1 yang dikemukakan pada bulan Januari 20x2	Perbelanjaan hanya diiktiraf pada tahun 20x2 mengikut terma kontrak. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan</b>

**(iv) BAYARAN PUKAL**

<b>BIL</b>	<b>PERTANGGUNGAN</b>	<b>SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN</b>
(a)	Fail pukal bil elektrik bagi penggunaan pada 15 Disember 20x1 sehingga 16 Januari 20x2 yang dihantar pada bulan Januari 20x2.	Perbelanjaan elektrik diiktiraf kena dibayar pada tahun 20x2 mengikut terma kontrak. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>
(b)	Fail pukal bil elektrik bagi penggunaan pada 1 Disember 20x1 sehingga 15 Disember 20x1 telah dikemukakan pada 16 Disember 20x1 dan telah diproses, tetapi fail bagi penggunaan pada 16 Disember 20x1 sehingga 31 Disember 20x1 hanya dikemukakan pada bulan Januari 20x2.	Perbelanjaan elektrik diiktiraf kena dibayar pada tahun 20x2 mengikut terma kontrak. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>

(v) BAYARAN TUNTUTAN PELBAGAI

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN
(a)	Tuntutan Perjalanan pegawai bagi bulan <b>Disember</b> 20x1 dikemukakan pada Januari 20x2.	Tuntutan perjalanan hanya diiktiraf pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa dan mematuhi AP100(a) iaitu perlu dikemukakan tidak lewat 10hb bulan dalam bulan yang berikutnya. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>
(b)	Tuntutan Elaun Bekerja Lebih Masa/Penceramah pegawai bagi bulan <b>Disember</b> 20x1 dikemukakan pada Januari 20x2.	Tuntutan hanya diiktiraf pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>
(c)	Tuntutan Elaun Bekerja Lebih Masa/Penceramah pegawai sebelum bulan <b>Disember</b> 20x1 dikemukakan pada Januari 20x2.  <b>*Tuntutan Elaun Lebih Masa hendaklah dibuat pada bulan berikutnya pada setiap bulan.</b>	Tuntutan hanya diiktiraf pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>
(d)	Tuntutan elaun pertukaran dibuat dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pertukaran. [Pegawai telah bertukar pada Julai 20x1 dan telah menghantar borang tuntutan pada Februari 20x2].	Tuntutan pertukaran hanya diiktiraf pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa dan tuntutan pertukaran dibuat dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh pelaksanaan arahan pertukaran selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP1.2 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>

(e)	Tuntutan elaun perpindahan rumah dibuat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pertukaran. [Pegawai telah berpindah rumah pada Disember 20x1 dan telah menghantar tuntutan elaun pada Februari 20x2]	Tuntutan elaun perpindahan rumah hanya diiktiraf pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa dan tuntutan elaun perpindahan rumah dibuat dalam tempoh tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh perpindahan rumah dilakukan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP1.2 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>
(f)	Surat kelulusan bayaran balik rawatan sakit / rawatan Hemodialisis telah diluluskan pada 15 Januari 20x2 bagi tempoh Ogos 20x1 sehingga 20x2. Pegawai membuat tuntutan bil bagi bulan Ogos 20x1 sehingga Januari 20x2 pada bulan Mac 20x2.	Pembayaran tersebut <b>tidak tertakluk di bawah AP58(a)</b> kerana diiktiraf pada masa bayaran dibuat setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa.
(g)	Tuntutan bayaran Bantuan Mengurus Jenazah.	Perbelanjaan diiktiraf kena dibayar pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>
(h)	Tuntutan bayaran balik Pakaian Istiadat [Pegawai telah mengemukakan tuntutan pada 12 Januari 20x2 dengan menyertakan bersama resit pembelian bertarikh 1	Perbelanjaan diiktiraf kena dibayar pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>



	November 20x1. Kew.8 disediakan pada 20x2.	
--	--	--

(vi) TUNTUTAN BAYARAN BALIK

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN
(a)	<p>Tuntutan bayaran balik bil telefon.</p> <p>[Bil telefon Disember bertarikh 28 Disember 20x1 bagi penggunaan pada 28 November 20x1 sehingga 27 Disember 20x1 telah dijelaskan oleh pegawai pada 28 Disember 20x1. Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik kepada Jabatan pada 28 Disember 20x1, tetapi tidak sempat diproses berikutan penutupan akaun Kerajaan negeri dibuat pada 26 Disember 20x1].</p>	<p>Perbelanjaan diiktiraf kena dibayar pada tahun 20x2 mengikut terma kontrak. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>
(b)	<p>Tuntutan bayaran balik bil telefon.</p> <p>[Bil telefon Disember bertarikh 28 Disember 20x2 bagi penggunaan pada 25 November 20x1 sehingga 24 Disember 20x1. Bayaran akhir (<i>due date</i>) adalah pada 3 Januari 20x2. Bil telah dijelaskan oleh pegawai pada 1 Januari 20x2. Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik kepada Jabatan pada 5 Januari 20x2.</p>	<p>Pembayaran tersebut <b>tidak tertakluk di bawah AP58(a)</b> kerana tarikh akhir bayaran adalah pada bulan Januari 20x2 dan pegawai yang menuntut membuat bayaran mengikut terma kontrak.</p>

(c)	<p>Bayaran balik bil telefon bulan Julai 20x1 dibuat tuntutan pada 10 Januari 20x2.</p> <p><b>*Tuntutan bayaran balik telefon hendaklah dibuat pada bulan berikutnya oleh pegawai.</b></p>	<p>Perbelanjaan diiktiraf pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>
(c)	<p>Tuntutan Bayaran Balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih [Pegawai telah mengemukakan tuntutan bayaran balik pembelian alat pada 30 Oktober 20x1 dan diluluskan Ketua Jabatan pada 5 Februari 20x2.</p>	<p>Perbelanjaan diiktiraf kena dibayar pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>
(d)	<p>Tuntutan Bayaran Balik Minyak [Kad Inden minyak bagi kenderaan jabatan tidak dapat digunakan pada 30 Disember 20x1. Pegawai kenderaan telah mengeluarkan duit sendiri untuk mengisi minyak sebanyak RM30 dan menuntut bayaran balik pada bulan Januari 20x2].</p>	<p>Perbelanjaan diiktiraf kena dibayar pada tahun 20x2 setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan atau pegawai diberi kuasa mengikut tuntutan perjalanan iaitu perlu dikemukakan tidak lewat 10hb bulan dalam bulan yang berikutnya. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>

**(vii) BAYARAN EMOLUMEN**

BIL	PERTANGGUNGAN	SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN
(a)	<p>Pegawai telah kembali bertugas setelah cuti tanpa gaji dari bulan Jun 20x1 sehingga November 20x1. Gaji bulan Disember 20x1 tidak sempat diproses dan Kew.8 hanya dikeluarkan pada bulan Januari 20x2 untuk pembayaran.</p>	<p>Perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20x2 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>

(b)	<p>Pembayaran emolumen bagi kenaikan pangkat telah dibayar pada tahun 20x1 berdasarkan Kew.8 tahun 20x1. Walau bagaimanapun, pada tahun 20x3 didapati ada kesilapan berlaku pada pengiraan emolumen pegawai tersebut. Pelarasan gaji dilakukan untuk membayar perbezaan amaun berdasarkan Kew.8 tahun 20x3.</p>	<p>Perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20x3 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>
(c)	<p>Kew.8 telah diluluskan pada 2 Februari 20x3 bagi bayaran tunggakan emolumen mulai 1 Ogos 20x1 hingga 1 Ogos 20x2 akibat kesilapan tarikh pergerakan gaji.</p>	<p>Perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20x3 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>
(d)	<p>Bayaran emolumen bagi Pekerja Bergaji Hari pada bulan Disember 20x1 diproses bermula hari bekerja pertama Januari 20x2 dan tarikh pembayaran emolumen selewat-lewatnya pada hari ke tujuh (7) bekerja Januari 20x2 selaras Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Emolumen yang berkuat kuasa.</p>	<p>Perbelanjaan emolumen diiktiraf pada tahun 20x2 apabila diluluskan Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b></p>
(e)	<p>Bayaran pergerakan gaji [Pegawai telah diluluskan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Bulan Oktober 20x1 melalui Surat Kelulusan Pergerakan Gaji bertarikh 29 Januari 20x1. Walau bagaimanapun, kenaikan gaji mulai bulan Oktober 20x1 gagal diproses dan Kew.8 hanya dikeluarkan pada bulan April 20x2 untuk diproses setelah dikui pihak Naziran/Audit]</p>	<p>Pembayaran tunggakan KGT bagi bulan Oktober sehingga Disember 20x1 tidak tertakluk di bawah AP58(a). Walaupun Surat Kelulusan KGT telah dikeluarkan pada Januari 20x1, Kew.8 hanya dikeluarkan pada April 20x2 dimana pertanggunganan kena dibayar melibatkan perubahan gaji (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 1977). Perbelanjaan</p>

		tunggakan KGT diiktiraf pada tahun 20x2 apabila Kew.8 diluluskan oleh Ketua Jabatan/pegawai yang diberi kuasa. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>
--	--	--

**(viii) BAYARAN CARUMAN WAJIB**

<b>BIL</b>	<b>PERTANGGUNGAN</b>	<b>SEBAB KELULUSAN AP 58(a) TIDAK DIPERLUKAN</b>
(a)	Tuntutan dividen/bayaran denda lewat kepada PTJ pada tahun 20x2 disebabkan kelewatan PTJ membayar caruman pekerja bagi tahun 20x1 oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Tuntutan dividen/bayaran denda lewat tersebut adalah perbelanjaan yang diiktiraf pada tahun 20x2. <b>Maka kelulusan AP58(a) tidak diperlukan.</b>

**5.0 PERTANGGUNGAN TAHUN-TAHUN LALU YANG MELIBATKAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN AKAUN AMANAH.**

5.1 Pertanggungan tahun lalu yang melibatkan peruntukan belanja pembangunan (Vot P) dan perbelanjaan Akaun Amanah tidak tertakluk kepada kelulusan khas di bawah AP58 (a).

**6.0 PERMOHONAN KELULUSAN KHAS AP 58(a)**

6.1 Permohonan kelulusan AP58(a) hendaklah dilaksanakan melalui Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (iSPEKS) selaras dengan Surat Arahan Operasi Bil.5 Tahun 2021 bertarikh 06 Mei 2021 dan Pekeliling Penutupan Akaun akhir tahun yang berkuat kuasa.

**7.0 PENUTUP**

Semua Pegawai Pengawal / Pegawai Perakaunan jabatan/PTJ hendaklah mematuhi surat pekeling ini.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menandatangani amanah,



**(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman  
Tel: 04-7027770 / 7771 / 7772  
Email: [pkpk\\_emolumen@kedah.gov.my](mailto:pkpk_emolumen@kedah.gov.my)

s.k YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Pengarah Audit Negeri Kedah